

Tiada rumah terbuka dianjurkan di Seri Perdana

BERITA HARIAN 03 APR 2024

mls: 3

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana tahun ini, sebaliknya akan mengikuti dan menghadiri majlis di negeri yang dianjurkan oleh menteri.

“Untuk sambutan Aidilfitri, saya tidak buat majlis besar-besaran di Seri Perdana. Sebaliknya, saya akan mengikuti dan menghadiri majlis di negeri-negeri yang dianjurkan oleh menteri-menteri,” kata Perdana Menteri ketika

berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Turut mengingatkan agensi kerajaan supaya lebih berhemat dan menganjurkan majlis sambutan hari raya sederhana, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata: “Jangan berlumba-lumba untuk menganjurkan majlis yang lebih besar dan mewah, itu bukan duit anda pun.”